

# Martabatkan seni budaya dengan gaya baharu

UB 15.01.2021 P.16



**KOTA KINABALU:** Culture Tour: Blinded By The Light (BLIGHT) adalah program kebudayaan dan kesenian yang julung kali dilaksanakan oleh Exco Kebudayaan Ibtan Sepadu Anak Jati Sabah (IKSAS) sesi 2020/2021 Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) dengan kerjasama Jawatankuasa Kebajikan Mahasiswa (JAKMAS) Kolej Kediaman Tun Mustapha Universiti Malaysia Sabah (UMS).

Objektif program ini adalah untuk memperkenalkan etnik budaya Sabah dalam kalangan mahasiswa di kedua-dua universiti khususnya kepada mahasiswa yang bukan dari Sabah. Program ini juga bertujuan

## Kolobiratif UMS dan UPSI berjaya perkenal etnik budaya Sabah dalam kalangan mahasiswa

untuk menjalin hubungan silaturahmi antara mahasiswa UPSI dan UMS pada hari ini dan hari yang akan datang. Program ini mampu melestarikan kesenian dan kebudayaan walaupun dengan norma baharu iaitu secara dalam talian.

Selari dengan tema program ini mampu menyemarakkan seni budaya walaupun kedua-dua universiti (UPSI dan UMS) dipisahkan daripada negeri yang berbeza tetapi mampu menjalinkan kerjasama untuk menyemarakkan kesenian dan kebudayaan.

Culture Tour: Blinded By The Light (BLIGHT) yang diadakan pada baru-baru ini bukan sahaja mendapat sambutan ramai antara mahasiswa UPSI dan UMS tetapi melibatkan Universiti lain juga.

Kategori-kategori yang banyak dianjurkan menarik minat peserta untuk menyertainya.

nyertainya.

Pertandingan Sugandoi, pertandingan tarian Melayu dan etnik kreatif, mendeklamasi sajak, 'selfie culture', dan dialog kebudayaan. Kategori ini juga melibatkan bahawa program ini merupakan satu medium untuk memartabatkan kesenian dan kebudayaan kepada semua generasi dan tidak ditelan zaman.

Pengarah program bersama dari UPSI iaitu Ervinna Venia Anthony berkata, dengan program kesenian sebegini memberi kesan positif kepada semua pihak secara langsung dan tidak langsung.

Program sebegini juga perlu dianjurkan lebih banyak lagi supaya kesenian dan kebudayaan tidak hilang begitu sahaja walaupun semua mahasiswa dilanda norma baharu dan dilaksanakan secara atas talian.

Awang Azreezan Awang

Kasim selaku pengarah bersama dari UMS pula berkata, persekitaran adalah seni, jika tidak diadaptasi akan lebih memberikan satu anjakan terhadap kesenian dan kebudayaan yang tidak diperdulikan oleh individu di setiap persekitaran.

Hasil dorongan serta sokongan Fadhil Abdullah selaku Penasihat Ikatan Sepadu Anak Jati Sabah (IKSAS) UPSI dan Kol Bersekutu (PA) Prof Madya Dr Mohamad Nizam Nazarudin selaku Pengetua Kolej Kediaman Tun Mustapha UMS terhadap kebudayaan dan kesenian sehingga program ini dapat dijayakan dengan begitu baik sekali.

Walaupun mahasiswa kini terkesan akibat pandemik Covid-19 namun ia bukan menjadi satu penghalang untuk menyemarakkan seni dan budaya kepada mahasiswa agar tidak ditelan zaman.



DAPAT SAMBUTAN: Antara acara yang diadakan pada program itu.